



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
ii

FAKTOR-FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA KEMAJUAN PERNIAGAAN KOPERASI SEKOLAH DI TAWAU, SABAH

SAMSU BIN EWANG



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PERNIAGAAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
ii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
iv

Untuk ayah ibu dan isteri, serta anak-anak yang tersayang...

Tuan Haji Ewang bin Teka
Puan Hajjah Siang binti Nurdin

Maslina Binti Talla
Mohd Aqil Rustam
Ainur Aqilah
Asyura Zawani

Dengan doa serta sokongan dan kasih sayang kalian memberi kekuatan dan inspirasi
dalam mengahadapi arus kehidupan sehingga kini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Syukur Alhamdulillah, dengan limpah kurniaNya maka Disertasi Sarjana Pendidikan Pengurusan Perniagaan yang bertajuk “Faktor-faktor Yang Menyumbang Kepada Kemajuan Perniagaan Koperasi Sekolah” ini telah dapat disiapkan.

Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada yang berbahagia Profesor Dr. Abdul Jumaat Bin Mahajar yang telah banyak membantu dan membimbing bagi menyiapkan kajian ini, demikian juga kepada Dr. Norlia Bt Mat Norwani sebagai pembaca dalaman serta para pensyarah UPSI yang telah memberikan tunjuk ajar sepanjang perkuliahan,

Setinggi-tinggi terima kasih kepada sahabat andai Juppri Bacotang, Sasigaran Moneyam, Rosini Mustapen, Tn. Hj. Karim Lanusu dan rakan-rakan seperkuliahannya, tidak lupa semua pegawai dan kakitangan MKM, Angkasa, SKM, KPDNKK yang banyak membantu memberikan bahan rujukan.

Sekalung penghargaan saya tujuarkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya Bahagian Tajaan dan Biasiswa selaku penaja utama, Bahagian Perancangan dan Dasar Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, yang telah memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada semua pelajar dan guru sekolah yang terlibat dalam kajian ini.



Akhirnya, penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ayah dan ibu, isteri dan anak-anak serta saudara mara yang telah banyak berkorban dan senantiasa memberi dorongan dan pengharapan dalam melaksanakan penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung bagi membantu saya semasa proses menyiapkan penyelidikan ini.

Samsu Bin Ewang
TB13368,
Lorong Sri Indah 6,
Bandar Sri Indah,
Batu 10 Jalan Apas,
91000 Tawau, Sabah.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kemajuan perniagaan koperasi sekolah. Faktor-faktor penyumbang yang telah dikenal pasti ialah pembelian produk, modal yang disumbangkan, aktiviti pendidikan dan latihan serta penyertaan pelajar dalam pengurusan perniagaan koperasi sekolah. Kajian ini juga meninjau sejauhmana pengaruh semua faktor tersebut terhadap kemajuan perniagaan koperasi sekolah. Responden terdiri daripada pelajar dan guru yang merupakan Ahli Lembaga Koperasi (ALK) dan Ahlijawatankuasa (AJK) koperasi. Dalam kajian ini kaedah kuantitatif digunakan dengan menggunakan soalselidik sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan pendapat responden dan maklumat yang diperlukan. Lima buah sekolah telah dipilih mengikut kluster yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). 150 orang responden telah dipilih untuk menjawab soalselidik dan hanya 109 yang telah mengembalikannya. Kajian ini menggunakan analisis data SPSS 17.0 melibatkan skor min, sisihan piawai, Korelasi Pearson, Ujian-t dan Regresi Pelbagai digunakan dalam penganalisaan data. Dapatan kajian menunjukkan terdapat korelasi yang signifikan di antara faktor-faktor penyumbang dan kemajuan perniagaan koperasi sekolah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRACT

The main purpose of this research is to identify the factors that contribute to school cooperative business performance. The identified contributing factors were product purchase, capital contribution, educational activities, training and students' participation. This research seeks investigate to what extent these factors influenced the school cooperative business performance. The respondents were selected among students and teachers who are the Board of Directors of Cooperative and Cooperative Committee Members. Quantitative method was employed through questionnaire as the research instrument to obtain views and relevant information from the respondents. Five schools were selected based on the cluster determined by Malaysian Cooperative Commission. The questionnaires were administered to hundred fifty (150) respondents, and only one hundred and nine (109) responded. Statistical software, SPSS 17.0 was used to analyses the data collected in order to determine the mean, standard deviation, Pearson Correlation, T- test, and Multiple Regression. The results of this research showed that there is a significant relationship between the identified factors and cooperative performance.





SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT

| | |
|--------------------------------------|-------------|
| HALAMAN JUDUL | ii |
| PENGAKUAN | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK DALAM BAHASA MELAYU | vi |
| ABSTRAK DALAM BAHASA INGGERIS | vii |
| KANDUNGAN | viii |
| SENARAI JADUAL | xiv |
| SENARAI RAJAH | xvi |
| SENARAI SINGKATAN | xvii |



BAB 1: PENDAHULUAN

| | |
|---------------------------------------|-----------|
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.3 Penyataan Masalah | 5 |
| 1.4 Objektif Kajian | 9 |
| 1.5 Persoalan Kajian | 10 |
| 1.6 Hipotesis Kajian | 10 |
| 1.7 Kerangka Konseptual Kajian | 11 |
| 1.8 Kepentingan Kajian | 13 |
| 1.9 Batasan Kajian | 13 |
| 1.10 Definisi Istilah | 14 |





| | |
|--------------------------------------|-----------|
| 1.10.1 Anggota Koperasi | 14 |
| 1.10.2 Aktiviti Koperasi | 14 |
| 1.10.3 Produk | 15 |
| 1.10.4 Modal | 15 |
| 1.10.5 Pendidikan dan Latihan | 15 |
| 1.10.6 Pengurusan | 15 |
| 1.10.7 Kemajuan Koperasi | 16 |
| 1.11 Rumusan | 16 |

BAB 2: SOROTAN KAJIAN

| | |
|--|-----------|
| 2.1 Pengenalan | 17 |
| 2.2 Definisi Koperasi | 17 |
| 2.3 Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Koperasi di Malaysia | 20 |
| 2.4 Gerakan Koperasi dan Senario Ekonomi Semasa | 23 |
| 2.5 Status Koperasi di Malaysia | 24 |
| 2.6 Koperasi Sekolah | 28 |
| 2.7 Sejarah Gerakan Koperasi Sekolah di Malaysia | 30 |
| 2.8 Aktiviti Pendidikan dan Latihan Koperasi di Malaysia | 32 |
| 2.9 Ke Arah Memantapkan Jati Diri Koperasi | 34 |
| 2.10 Koperasi dari Perspektif Islam | 35 |
| 2.11 Peranan Koperasi Sekolah | 36 |
| 2.12 Matlamat Penubuhan Koperasi Sekolah | 37 |
| 2.13 Peranan Pelajar dalam Pengurusan Perniagaan Koperasi Sekolah | 39 |





| | | |
|---------------|---|-----------|
| 2.14 | Kerangka Teori dalam Perniagaan | 41 |
| 2.14.1 | Teori Hieraki Keperluan Maslow | 41 |
| 2.14.2 | Teori Z | 43 |
| 2.14.3 | Teori X dan Y | 44 |
| 2.15 | Kemajuan Koperasi | 46 |
| 2.16 | Pengukuran Kewangan dan Kemajuan Koperasi | 47 |
| 2.17 | Pengukuran Bukan Kewangan bagi Kemajuan Koperasi | 49 |
| 2.18 | Kemajuan Koperasi Sekolah | 51 |
| 2.18.1 | Produk dan Kemajuan Koperasi | 53 |
| 2.18.2 | Modal dan Kemajuan Koperasi | 58 |
| 2.18.3 | Pendidikan dan Latihan | 62 |
| 2.18.4 | Pengurusan dan Kemajuan Koperasi | 69 |
| 2.19 | Rumusan | 76 |



BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|----------------|---------------------------------------|-----------|
| 3.1 | Pengenalan | 77 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 78 |
| 3.3 | Populasi dan Sampel | 79 |
| 3.3.1 | Pengukuran Kejayaan Koperasi | 81 |
| 3.4 | Instrumen Kajian | 82 |
| 3.5 | Teknik Pengumpulan Data | 83 |
| 3.5.1 | Soal Selidik | 83 |
| 3.5.1.1 | Bahagian A: Maklumat Demografi | 84 |
| 3.5.1.2 | Bahagian B: Koperasi Sekolah | 85 |





| | |
|---|-----------|
| 3.5.1.3 Bahagian C: Produk | 85 |
| 3.5.1.4 Bahagian D: Pendidikan dan Latihan | 86 |
| 3.5.1.5 Bahagian E: Modal | 87 |
| 3.5.1.6 Bahagian F: Pengurusan | 88 |
| 3.5.1.7 Bahagian G: Kejayaan Koperasi | 89 |
| 3.5.2 Pemerhatian | 91 |
| 3.5.3 Kajian Rintis | 91 |
| 3.5.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan | 93 |
| 3.5.4.1 Kesahan Instrumen Kajian | 93 |
| 3.6 Analisis Data | 94 |
| 3.6.1 Statistik Deskriptif | 95 |
| 3.6.2 Statistik Inferensi | 95 |



BAB 4: DAPATAN KAJIAN

| | |
|--|------------|
| 4.1 Pengenalan | 98 |
| 4.2 Latar Belakang Responden | 99 |
| 4.3 Pandangan Responden | 107 |
| 4.3.1 Produk | 107 |
| 4.3.2 Aktiviti Pendidikan dan latihan | 110 |
| 4.3.3 Modal | 113 |
| 4.3.4 Pengurusan | 116 |
| 4.3.5 Kemajuan | 120 |
| 4.4 Taburan Normal | 123 |





| | |
|-------------------------------------|------------|
| 4.5 Pengujian Hipotesis | 124 |
| 4.5.1 Hipotesis Alternatif 1 | 124 |
| 4.5.2 Hipotesis Alternatif 2 | 125 |
| 4.5.3 Hipotesis Alternatif 3 | 126 |
| 4.5.4 Hipotesis Alternatif 4 | 127 |
| 4.5.5 Hipotesis Alternatif 5 | 128 |
| 4.5.6 Hipotesis Alternatif 6 | 130 |
| 4.5 Rumusan | 132 |

BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN



| | |
|--|------------|
| 5.1 Pengenalan | 133 |
| 5.2 Ringkasan Kajian | 134 |
| 5.3 Perbincangan | 136 |
| 5.3.1 Produk | 136 |
| 5.3.2 Aktiviti Pendidikan dan Latihan | 139 |
| 5.3.3 Modal | 141 |
| 5.3.4 Pengurusan | 143 |
| 5.4 Kesimpulan | 147 |
| 5.5 Implikasi | 149 |
| 5.6 Cadangan | 153 |
| 5.6.1 Pengurusan Koperasi Sekolah | 153 |
| 5.6.2 Pentadbir Sekolah | 155 |
| 5.6.3 Pelajar | 155 |
| 5.6.4 Institusi Berkaitan | 156 |





| | |
|---|------------|
| 5.6.5 Kementerian Pelajaran Malaysia | 157 |
| 5.7 Cadangan Kajian Lanjutan | 159 |
| 5.8 Rumusan | 159 |
| RUJUKAN | 161 |

LAMPIRAN

| | |
|----------------------------------|------------|
| A Soal Selidik | 173 |
| B Surat Kebenaran | 174 |
| C Analisis Dapatan Kajian | 175 |





SENARAI JADUAL

| Jadual | Muka Surat |
|--|-------------------|
| 2.1 Perangkaan Koperasi Mengikut Aktiviti Pada 31 Disember 2009 | 26 |
| 2.2 Pertumbuhan Koperasi Di Malaysia | 27 |
| 2.3 Sejarah Gerakan Koperasi Sekolah di Malaysia | 30 |
| 2.4 Nilai Berkoperasi | 33 |
| 2.5 Indikator-indikator Kemajuan Koperasi mengikut Kajian Lepas | 74 |
| 3.1 Sampel Kajian | 80 |
| 3.2 Peningkatan Jualan, Bilangan Ahli dan Pulangan Pelaburan Lima Koperasi Sekolah Terbaik Tawau Berakhir 30 Jun 2010 | 81 |
| 3.3 Item Bahagian C: Produk | 86 |
| 3.4 Item Bahagian D: Aktiviti Pendidikan dan Latihan | 87 |
| 3.5 Item Bahagian E: Modal | 88 |
| 3.6 Item Bahagian F: Pengurusan | 89 |
| 3.7 Item Bahagian G: Kejayaan Koperasi | 90 |
| 3.8 Bilangan Soal Selidik | 90 |
| 3.9 Pekali Kebolehpercayaan <i>Cronbach Alpha</i> | 92 |
| 3.10 Kebolehpercayaan Pemboleh Ubah Kajian | 93 |
| 3.11 Kategori Tahap Perhubungan | 96 |
| 4.1 Taburan Demografi Responden(n=109) | 100 |
| 4.2 Pengalaman Berkoperasi Responden(n=90) | 101 |
| 4.3 Pengalaman Latihan Responden(n=109) | 102 |
| 4.4 Latar Belakang Koperasi yang Dikaji | 104 |
| 4.5 Latar Belakang Ahli Koperasi | 106 |





| | | |
|------|--|-----|
| 4.6 | Konstruk Produk | 108 |
| 4.7 | Konstruk Pendidikan dan Latihan | 111 |
| 4.8 | Konstruk Modal | 114 |
| 4.9 | Konstruk Pengurusan | 117 |
| 4.10 | Dapatan DeskriptifKeseluruhan Pembolehubah Tidak Bersandar | 119 |
| 4.11 | Pernyataan Item-item Pemboleh Ubah Kemajuan | 120 |
| 4.12 | Konstruk faktor-faktor yang Mempengaruhi Kemajuan Koperasi Sekolah | 121 |
| 4.13 | Taburan Normal: Skewness dan Kurtosis | 124 |
| 4.14 | Korelasi antara Produk dengan Kemajuan Perniagaan Koperasi Sekolah | 125 |
| 4.15 | Korelasi antara Pendidikan dan Latihan dengan Kemajuan Koperasi Sekolah | 126 |
| 4.16 | Korelasi antara Modal dengan Kemajuan Koperasi Sekolah | 126 |
| 4.17 | Korelasi antara Pengurusan dengan Kemajuan Koperasi Sekolah | 127 |
| 4.18 | Ujian-t Faktor Jantina-Produk | 128 |
| 4.19 | Ujian-t Faktor Jantina-Latihan | 129 |
| 4.20 | Ujian-t Faktor Jantina-Modal | 129 |
| 4.21 | Ujian-t Faktor Jantina-Pengurusan | 129 |
| 4.22 | Analisis Regresi Berganda | 130 |
| 4.23 | Analisi Regresi | 131 |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xvi

SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

1.1 Kerangka Konseptual Kajian

12



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xvi



SENARAI SINGKATAN

| | |
|---------|---|
| AJK | Ahli Jawatankuasa |
| ALK | Ahli Lembaga Koperasi |
| ANGKASA | Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad |
| ETIKOP | Etika Koperasi |
| G8 | Group of Eight |
| ICA | Internasional Co-operative Alliances |
| JAD | Juruaudit Dalaman |
| KPDNKK | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan |
| MKM | Maktab Kerjasama Malaysia |
| SKM | Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| SMK | Sekolah Menengah Kebangsaan |
| TUB | Tadbir Urus Baik |
| UUK | Undang-undang Kecil |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan latar belakang gerakan koperasi sekolah di Malaysia daripada segi sejarah, senario koperasi di Malaysia dan pergerakkan koperasi sekolah. Pernyataan masalah bagi kajian ini juga diperjelaskan berserta dengan objektif, kerangka konsep kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian dan batasan kajian. Pada akhir bab ini, definisi operasional bagi istilah-istilah yang digunakan di dalam kajian ini juga disertakan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.2 Latar Belakang Kajian

Gerakan koperasi sekolah di Malaysia telah bermula semenjak tahun 1968 melalui penubuhan sembilan buah koperasi sekolah di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia. Sehingga September 2009, gerakan koperasi telah mencapai tahap yang cukup membanggakan apabila 2,115 buah koperasi sekolah telah ditubuhkan dengan bilangan keanggotaannya meningkat sehingga seramai 2,106,130 orang pelajar sekolah menengah seluruh Malaysia.

Lebih membanggakan apabila Malaysia merupakan satu-satunya negara di dunia yang mempunyai koperasi sekolah peringkat menengah, berbanding dengan negara lain yang hanya mempunyai koperasi di peringkat universiti sahaja. Menteri



amat bertuah kerana pada usia seawal 12 tahun sudah boleh mendaftar sebagai ahli koperasi dan mengambil bahagian secara aktif dalam mengurus perniagaan melalui kegiatan koperasi. Tambahnya lagi, negara Fiji, India dan Jepun yang berhasrat menubuhkan koperasi sekolah telah membuat kajian dan mempelajari selok-belok pengurusan koperasi sekolah di Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) manakala Korea Selatan, Thailand dan Singapura juga telah mengadakan lawatan ke koperasi-koperasi sekolah di negara ini.

Di Malaysia, sektor koperasi merupakan sektor ketiga penting dalam menyumbang kepada ekonomi negara selepas sektor kerajaan dan swasta. Gerakan koperasi yang telah menjangkau 88 tahun penubuhannya, merupakan salah satu penyumbang dalam pembangunan ekonomi negara. Gerakan koperasi telah





menyumbang dalam pelbagai sektor ekonomi seperti dalam bidang kredit, pertanian, perumahan, kepenggunaan, pengangkutan, pembinaan dan perkhidmatan. Mengikut statistik Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada akhir tahun 2009, terdapat sejumlah 7,215 buah koperasi dengan 6,783,775 juta orang anggota dengan modal syer dan yuran berjumlah RM8,965.5 billion dan aset bernilai RM6,499.3 billion. Dari tahun 2003 hingga 2009 terdapat peningkatan yang menggalakkan bukan sahaja daripada segi bilangan koperasi, tetapi juga daripada segi aset koperasi. Angka-angka ini menunjukkan bahawa kepentingan koperasi seharusnya tidak dipandang ringan lebih-lebih lagi apabila kerajaan berhasrat memperkasakan sektor koperasi dan menjadikan ia sektor ketiga penting selepas sektor awam dan swasta dalam menjana ekonomi negara (Azmaliza, 2009).



koperasi boleh dijadikan sebagai asas untuk meningkatkan penyertaan orang ramai dalam pembangunan ekonomi melalui pengabungan tenaga kerja modal dan usaha. Sebagai contoh, melalui koperasi penyertaan golongan Bumiputera dalam sektor ekonomi dapat digalakkan, jurang pendapatan di antara golongan miskin dan kaya dapat dikurangkan serta taraf hidup rakyat khasnya di luar bandar dapat ditingkatkan.

Menurut perangkaan, 11,434.80 daripada 28,306.7 juta orang rakyat Malaysia berada dalam julat umur 15-39 tahun dan 77 peratus daripadanya berada dalam lingkungan usia 20 hingga 39 tahun. Generasi muda yang dalam lingkungan inilah ialah aset yang penting bagi mencorakkan ekonomi pada masa hadapan. Mereka merupakan pelapis yang menjadi nadi dan penggerak utama yang mampu membantu dan memulihkan gerakan kepimpinan koperasi yang mana majoritinya dipimpin dan





ditadbir oleh pemimpin lama yang memerlukan generasi muda yang bertenaga, aktif dan mampu memberikan idea-idea baru kepada kepimpinan gerakan koperasi. Oleh itu, pembentukan dan memperkasakan koperasi sekolah ialah satu agenda yang penting bagi memastikan ia boleh dijadikan landasan utama kepada generasi muda mempelajari ilmu perniagaan (Subaizah, 2010).

Pada November 2010, telah berlangsung satu Konvensyen Hala Tuju Koperasi Sekolah di Hotel Grand Seasons, Kuala Lumpur. Seramai 335 orang peserta terdiri dari Pengetua dan guru-guru mewakili 166 buah koperasi sekolah telah hadir dalam konvensyen ini. Tujuan utama konvensyen ini ialah untuk membincangkan dan merangka strategi halatuju baru Koperasi Sekolah selaras dengan aspirasi Dasar Koperasi Negara dan Model Baru Ekonomi.



Koperasi sekolah dengan bilangan sebanyak 2115 buah, keanggotaan seramai 2,106,130 juta orang, syer berjumlah RM17.30 juta, aset RM177.67 juta, perolehan RM195.12 juta setahun dan keuntungan sebanyak RM25.51 juta setahun (sehingga Disember 2009) merupakan institusi penting yang memberi sumbangan besar dan bermakna di dalam membangun warga sekolah (pelajar, guru, kakitangan dan ibu bapa). Pelajar ialah pelapis kepimpinan negara dan koperasi dan kesinambungannya pada masa hadapan. Melalui penyertaan dan penglibatan pelajar, para pelajar dapat memantapkan sahsiah diri selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sambil mempelajari atau menimba pengalaman berguna berkaitan perniagaan dan keusahawanan. Melalui koperasi sekolah, pelajar sebagai warganegara tanpa mengira gender, bangsa dan agama dibimbang, dilatih dan dididik mengamalkan nilai-nilai murni selaras dengan semangat 1 Malaysia. ANGKASA sebagai penaraju utama





dalam membangunkan gerakan koperasi sekolah memainkan peranan yang lebih dinamik dalam memastikan para pelajar mendapat pelbagai manfaat dalam aktiviti dan kegiatan koperasi sekolah (Angkasa, 2010).

1.3 Penyataan Masalah

Sehingga September 2009 terdapat sejumlah 7,215 buah koperasi dengan 6,783,775 juta orang anggota dengan modal syer dan yuran berjumlah RM8,965.5 juta dan aset bernilai RM64,999.3 juta (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2009). Keanggotaan sebanyak 7.22 juta orang mewakili 25% populasi penduduk iaitu 28,306.7 juta pada tahun 2009. Dari segi sumbangan mengikut fungsi, koperasi pengguna adalah majoriti



(52.6%) dari keseluruhan jumlah 3,796 buah koperasi dan mempunyai keanggotaan seramai 2.8 juta orang (40.9%). Namun demikian, perolehan koperasi pengguna hanya RM0.98 bilion (11.1%) daripada keseluruhan pergerakan koperasi. Walaubagaimana pun, koperasi perbankan dan pemberi kredit adalah yang sangat kurang dengan hanya 9% daripada jumlah koperasi namun memiliki modal berbayar sebanyak 73% dan 89% jumlah aset daripada jumlah keseluruhan. Salah satu sebab situasi ini berlaku kerana majoriti (61%) pengguna koperasi wujud di sekolah dan masing-masing hanya memiliki 0.2 % modal berbayar dan jumlah aset, bagi jumlah keseluruhan pergerakan koperasi di Malaysia (Abdul Fattah, 2010).

Raja Maimun (2007), dalam kajiannya mendapati salah satu isu berkaitan

pemasaran produk uasahawan bumiputra dan koperasi ke hypermarket ialah kekurangan modal. Modal yang terbatas merupakan isu penting kegagalan usahawan





Bumiputra untuk memainkan peranan yang lebih berkesan dalam memantapkan pemasaran produk mereka di hypermarket. Oleh itu pihak pengurusan harus berusaha meningkatkan atau menggalakkan ahlinya menambah syer saham bagi menambah modal koperasi.

Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) (2004) pernah menyatakan bahawa pengurusan dan pentadbiran koperasi adalah tidak efisyen serta mempunyai pengetahuan teknikal dan kewangan yang terbatas. Kesimpulan ini adalah berdasarkan beberapa kajian yang telah dilakukan di banyak buah negara termasuk Malaysia.

Indar Kaur, Sushila Dewil, Rafiah dan Rahimah (2005) merumuskan koperasi mempunyai sempati kelemahan utama dalam pengurusan sumber manusia iaitu kekurangan pekerja tetap di peringkat pengurusan, sistem penggajian dan ganjaran yang kurang menarik, ketiadaan sistem penilaian prestasi yang formal serta pembangunan sumber manusia yang kurang terancang. Seandainya masalah-masalah ini boleh diatasi, koperasi sebenarnya mempunyai potensi yang besar untuk berkembang maju menjadi agen pertumbuhan dan penyumbang kepada ekonomi negara. Kajian ini juga telah disokong oleh dapatan kajian Sushila (2008), terhadap pengaruh amalan sumber manusia dan kesannya terhadap prestasi pekerja koperasi. Dapatan kajian beliau mendapati terdapat hubungan yang positif di antara amalan sumber manusia dan prestasi pekerja yang memberi kesan terhadap komitmen dalam organisasi.





Mohd Safaai (2005) menyatakan pendidikan kepada ahli adalah penting bukannya hanya untuk kelangsungan komitmen ahli tapi sebagai satu nafas keterusan bagi entiti koperasi sekolah itu sendiri. Namun dapatan kajiannya menunjukkan kebanyakkan ahli koperasi tidak memahami tujuan penubuhan sesebuah koperasi akibat kurangnya pengetahuan berkaitan koperasi.

Manakala, Ahmad Syahir (2010) mendapati ramai anggota koperasi terutamanya dalam kalangan pelajar tidak mendapat pendedahan yang sepenuhnya mengenai konsep pengurusan perniagaan yang baik. Di samping itu, pengurusan dan pengawalan perniagaan koperasi diserahkan kepada pelajar kerana waktu guru yang terhad. Keadaan ini menyebabkan berlakunya pelbagai kejadian yang tidak dingini seperti kecurian dan kerosakan barang. Pihak koperasi sekolah juga menghadapi masalah sukar untuk mendapatkan barang alat tulis serta pakaian sekolah dengan harga yang competitive. Hal ini membuatkan koperasi sekolah tidak menjual dengan harga yang lebih murah berbanding di luar.

Dato Haji Mohd Ghazali Abd. Rahman (2010), Pengarah Bahagian Kokurikulum dan Kesenian Kementerian Pelajaran Malaysia dalam kertas kerjanya semasa Konvensyen Hala Tuju Koperasi Sekolah antara lain telah mengatakan bahawa:

- a) Koperasi sekolah mempunyai modal terhad untuk menjalankan aktiviti. Keadaan ini berlaku kerana modal saham yang datangnya daripada ahli-ahli adalah kecil. Modal kewangan terhad menyukarkan koperasi untuk berkembang.





- b) Guru-guru dan ahli yang mengendalikan koperasi tidak mempunyai ‘rasa kepunyaan’ (self of belonging) terhadap koperasi. Kebanyakan mereka memasuki koperasi tanpa memahami ‘apa itu koperasi’. Peranan sebenar ahli koperasi tidak dapat diwujudkan kerana kebanyakannya diurus secara sukarela.
- c) Harga jualan barang yang dijual kepada lebih tinggi berbanding di luar.
- d) Guru-guru dan pelajar yang mengendalikan koperasi kurang mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam bidang koperasi. Justeru, mereka menjalankan pengurusan koperasi mengikut acuan mereka sendiri. Keadaan ini mewujudkan satu keadaan pengurusan yang tidak cekap dan bertambah buruk jika guru bertukar ganti.

Secara kasarnya, pencapaian yang ditunjukkan masa kini tidak melambangkan

“etika berkoperasi”, terutama dalam kalangan anggotanya (pelajar). Berdasarkan liputan yang dibuat oleh pihak ANGKASA melalui majalah Pelancar dari tahun 1995 hingga 2004 menunjukkan rata-rata koperasi sekolah digerakkan oleh pengurus koperasi, guru koperasi dan guru-guru yang memegang jawatan dalam jawatankuasa kecil. Kreativiti dan kewibawaan mereka menyusun strategi dan sistem operasi pentadbiran dan pengurusan koperasi merupakan perintis kepada kejayaan koperasi. Walaupun trend ini tidak sesuai dan tidak selari dengan matlamat penubuhan dan gerakan koperasi sekolah tetapi ia merupakan satu kebiasaan memandangkan kaedah, aliran dan pola pendidikan koperasi yang tidak jelas di kalangan mereka (Ahmad Marzuki, 2007).

Bagi menjadikan pergerakan koperasi sekolah lebih terus maju setanding dengan entiti perniagaan lain maka penglibatan pelajar dalam konteks produk, modal,





pendidikan dan latihan, serta pengurusan harus dipertingkatkan. Tetapi kesedaran ini masih kurang di kalangan para pelajar dan ahli koperasi sekolah itu sendiri khasnya di Tawau, Sabah. Oleh itu, kajian mengenai faktor-faktor yang menyumbang kepada kemajuan perniagaan koperasi sekolah perlu dilakukan supaya objektifnya dalam menjana pendapatan kepada pelajar dan sekolah boleh tercapai.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti sama ada:

1. Terdapat korelasi yang signifikan di antara faktor produk dengan kemajuan perniagaan koperasi sekolah di Tawau Sabah.
2. Terdapat korelasi yang signifikan di antara faktor pendidikan dan latihan dengan kemajuan perniagaan koperasi sekolah di Tawau, Sabah.
3. Terdapat korelasi yang signifikan di antara faktor modal dengan kemajuan perniagaan koperasi sekolah di Tawau, Sabah.
4. Terdapat korelasi yang signifikan di antara aktiviti pengurusan dengan kemajuan perniagaan koperasi sekolah di Tawau, Sabah.
5. Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penglibatan jantina lelaki dan perempuan bagi faktor produk, pendidikan dan latihan, modal dan pengurusan di Tawau, Sabah.





1.5 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan berikut dapat dijawab melalui kajian ini seperti:

1. Apakah skor min item bagi produk, pendidikan dan latihan, modal dan pengurusan di Tawau, Sabah?
2. Adakah wujud korelasi yang signifikan di antara faktor produk dengan kemajuan perniagaan koperasi sekolah di Tawau, Sabah?
3. Adakah wujud korelasi yang signifikan di antara faktor pendidikan dan latihan dengan kejayaan perniagaan koperasi sekolah di Tawau, Sabah?
4. Adakah wujud korelasi yang signifikan di antara faktor modal dengan kemajuan perniagaan koperasi sekolah di Tawau, Sabah?
5. Adakah wujud korelasi yang signifikan di antara faktor pengurusan dengan kemajuan perniagaan koperasi sekolah di Tawau, Sabah?
6. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina lelaki dan perempuan terhadap faktor produk, pendidikan dan latihan , modal dan pengurusan?
7. Sejauhmana pengaruh faktor produk, pendidikan dan latihan, modal dan pengurusan terhadap kemajuan perniagaan koperasi sekolah di Tawau, Sabah?

1.6 Hipotesis Kajian

Ha1: Terdapat korelasi yang signifikan antara produk yang dijual oleh koperasi sekolah dengan kemajuan perniagaan koperasi di sekolah-sekolah menengah di Tawau, Sabah.





- Ha2: Terdapat korelasi yang signifikan antara aktiviti pendidikan dan latihan di kalangan pelajar sekolah dengan kemajuan perniagaan koperasi sekolah-sekolah menengah di Tawau, Sabah.
- Ha3: Terdapat korelasi yang signifikan antara faktor modal dengan kemajuan perniagaan koperasi sekolah-sekolah menengah di Tawau, Sabah.
- Ha4: Terdapat korelasi yang signifikan antara aktiviti pengurusan di kalangan pelajar sekolah dengan kemajuan perniagaan koperasi sekolah-sekolah menengah di Tawau, Sabah.
- Ha5: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina lelaki dan perempuan terhadap faktor produk, pendidikan dan latihan, modal dan pengurusan.
- Ha6: Terdapat perkaitan antara faktor produk, pendidikan dan latihan, modal dan pengurusan dengan kemajuan perniagaan koperasi sekolah di Tawau, Sabah.



1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan kepada ulasan-ulasan karya dan huraian berkaitan aspek aktiviti perniagaan koperasi sekolah, maka satu kerangka konsep kajian telah dibentuk seperti dalam Rajah 1.1. Rangka konsep kajian ini menunjukkan perkaitan antara pemboleh ubah bebas iaitu produk, pendidikan dan latihan, modal serta pengurusan dengan pemboleh ubah bersandar iaitu kemajuan perniagaan koperasi sekolah. Kesemua pemboleh ubah bebas ini dilihat secara satu persatu bagi mengenal pasti korelasi yang wujud dengan pemboleh ubah bersandar. Konstruk produk terdiri daripada harga produk, kepelbagaiannya yang dijual, sama ada terdapat pemberian rebat dalam penjualan produk, kualiti produk yang dijual, cara pelabelan dan pembungkusan




produk serta bagaimana produk baru diiklankan. Konstruk pendidikan dan latihan meninjau keperluan memberikan latihan kepada ahli dan kepentingan konstruk terhadap kemajuan perniagaan koperasi. Konstruk modal pula menyentuh mengenai peranan modal dalam memajukan perniagaan koperasi sekolah dan yang terakhir konstruk pengurusan yang meninjau peranan konstruk ini dalam memajukan perniagaan koperasi sekolah. Pemboleh ubah bersandar ialah kemajuan perniagaan koperasi sekolah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia seperti yang diterangkan dalam Bab Tiga.

Pemboleh Ubah Bebas



Pemboleh Ubah Bersandar



PENDIDIKAN &
LATIHAN

MODAL

PENGURUSAN

Rajah 1.1
Kerangka Konseptual Kajian



Kajian ini menumpukan terhadap pandangan responden terhadap peranan pemboleh ubah bebas (produk, pendidikan dan latihan, modal dan pengurusan) dalam memajukan perniagaan koperasi. Kerangka konseptual ini adalah berdasarkan kajian Sushila et al., (2009) daripada bahagian penyelidikan Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) yang berpandukan “Model Sistem Perniagaan” oleh Ricky dan Ronald (1993) dan melalui pembacaan sorotan kajian lalu yang berkaitan.

1.8 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharap dapat digunakan oleh guru-guru koperasi sekolah menengah di Tawau, Sabah bagi menambah baik kejayaan koperasi sekolah. Di samping itu juga ia boleh digunakan sebagai ~~asas bagi memperkasakan penglibatan pelajar sebagai anggota koperasi sekolah. Seterusnya hasil kajian ini juga dapat memberi keyakinan kepada ahli koperasi sekolah untuk melibatkan diri dengan aktif serta mendapatkan keuntungan dan kebajikan bersama. Akhirnya, diharap juga hasil kajian ini akan memberi ransangan kepada pihak sekolah khasnya pihak pentadbiran agar lebih mempromosikan produk jualan koperasi kepada pelajar.~~

1.9 Batasan Kajian

1. Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi di sekolah menengah gred mengikut kluster berpendapatan RM 100 ribu di Daerah Tawau, Sabah.





2. Kajian ini juga hanya meliputi ahli jawatankuasa koperasi (ALK) sekolah dan ahli jawatankuasa koperasi sekolah yang terdiri dari pelajar dan guru di sekolah menengah Daerah Tawau, Sabah sahaja.
3. Kajian ini juga tidak boleh digeneralisasikan kepada semua sekolah di seluruh negeri Sabah.
4. Kajian ini hanya memberi gambaran pada tahun 2010 dan dalam skop yang dinyatakan sahaja.

1.10 Definisi Istilah



1.10.1 Anggota Koperasi



Definisi anggota koperasi dalam kajian ini ialah pelajar-pelajar yang terlibat secara langsung dengan aktiviti koperasi sekolah sama ada yang memegang jawatan sebagai Ahli Lembaga Koperasi (ALK) dan Ahli Jawatankuasa Koperasi.

1.10.2 Aktiviti Koperasi

Melibatkan perniagaan koperasi seperti pembelian produk, pemilikan modal atau syer, latihan dan pendidikan yang diterima serta aktiviti pengurusan koperasi sekolah.





1.10.3 Produk

Melibatkan produk yang dijual di kedai koperasi sahaja yang dibeli atau digunakan oleh para pelajar dan pengguna koperasi yang lain.

1.10.4 Modal

Sumbangan syer yang dibeli atau dibayar untuk menjadi ahli sesebuah koperasi sebagai yang ditetap dalam Undang-undang Kecil Koperasi (UKK).



1.10.5 Pendidikan dan Latihan



Merujuk apa juu bentuk pendidikan dan latihan yang diterima atau diperolehi yang berkaitan dengan koperasi semasa menjadi ahli koperasi sekolah.

1.10.6 Pengurusan

Aktiviti yang melibatkan Ahli Lembaga dan Ahli Jawatankuasa dalam menguruskan perniagaan koperasi sekolah.





1.10.7 Kemajuan Koperasi

Dalam kajian ini kemajuan koperasi adalah berdasarkan pendapatan tahunan yang mencapai seratus ribu dan ke atas. Pengukuran kejayaan koperasi sekolah ini juga berdasarkan jumlah jualan tiga tahun lepas, pulangan pelaburan tiga tahun lepas dan peningkatan keahlian sepanjang tiga tahun.

1.11 Rumusan

Bab ini telah menjelaskan secara ringkas tentang pengenalan kajian, latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan

definisi daripada konteks operasional. Kepentingan berkoperasi juga telah dibincangkan secara mendalam dalam bab ini. Bab seterusnya akan membincangkan tentang tinjauan literatur yang berkaitan dengan tajuk kajian ini.

